

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 25 Julai 2016 11:06
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: KONVOI MOTOSIKAL ANGGOTA KESELAMATAN MESRA MASYARAKAT



25 JULAI 2016 / 20 SYAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

KONVOI MOTOSIKAL ANGGOTA KESELAMATAN MESRA MASYARAKAT



ANJUNG TAMU ONLINE: Anggota Jabatan Keselamatan bukan sekadar sibuk dengan tugas menjaga keselamatan di dalam kampus semata-mata namun mereka sebenarnya mempunyai cara tersendiri untuk membantu promosikan UUM kepada masyarakat luar.

Tekad Unit ALFA Jabatan Keselamatan yang diketuai Omar Haji Hashim bersama 25 anggota Keselamatan berkonvoi menuju ke Padang Terap, Kuala Nerang bagi aktiviti promosi Discover UUM telah membuktikan bahawa mereka tetap berdisiplin dan berdedikasi dalam menjalankan tanggungjawab yang diatur dengan teliti.

Terdahulu mereka berkumpul di Welcome Centre untuk siap siaga dengan taklimat, senam cergas yang dianggap mampu membaik pulih kecergasan, merehatkan minda dan paling penting, menawarkan khidmat bakti yang memberi impak positif.

Menurut Omar,

"Kami membawa imej Jabatan Keselamatan UUM yang bukan sahaja menjalankan tugas bagi menjaga keselamatan malah antara tanggungjawab kami juga sebagai anggota keselamatan untuk menyampaikan segala maklumat mempromosikan Discover UUM 2016".

"Program berkonvoi bukan setakat cergaskan minda tetapi menjadi salah satu cara untuk mendekati masyarakat supaya kenali universiti di rimba hijau".

Katanya, peserta konvoi juga menggunakan kesempatan mendengar taklimat daripada Pegawai Khas Parlimen Padang Terap, Faisal Abdul Aziz.

Selain itu, mereka berkonvoi ke Kem Kuala Nerang dan bertemu dengan B Kompeni Rejimen 513 Askar Wataniah, Mejar Mazlan Ali.

Dalam pada itu, kunjungan mereka ke Pekan Sehari Kuala Nerang jelas membuktikan masyarakat akan lebih mendekati anggota keselamatan kerana ia merupakan aktiviti yang santai, tidak formal serta mesra rakyat.

Empangan Pedu merupakan destinasi terakhir mereka bagi meninjau empangan buatan manusia yang dibina pada tahun 1969 di bawah Skim Rancangan Pengairan Muda.

Syabas, diucapkan kepada anggota Jabatan Keselamatan UUM!

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

